

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 JANUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8

Letak syarat 'paksa rela' galak daftar PADU

Letak syarat 'paksa rela' galak daftar PADU

Beri insentif seperti rebat bil utiliti atau tambah nilai e-dompet antara usaha boleh dilaksanakan

Oleh NURHIDAYAH HAIRON
SHAH ALAM

Pemberian insentif berbentuk rebat bil utiliti atau tambah nilai e-dompet antara usaha yang wajar dilaksanakan dalam tempoh kempen menggalakkan pendaftaran Pangkalan Data Utama (PADU).

Pakar ekonomi daripada University College i-CATS Kuching, Profesor Datuk Dr Shazali Abu Mansor berkata, selain itu kerajaan perlu melakukan pendekatan lebih kreatif termasuk usaha 'paksa rela' iaitu meletakkan syarat tertentu agar rakyat membuat keputusan mendaftar dengan segera.

Menurutnya, kerajaan juga wajar meletakkan tempoh tertentu untuk proses pendaftaran PADU dan pelbagai agensi hendaklah digerakkan turun ke serata kawasan khususnya di luar bandar bertujuan

memberi akses bantuan secara bersemuka bagi melancarkan lagi urusan pendaftaran melibatkan golongan rentan.

"Jika kerajaan mengharapkan pendaftaran secara sukarela sahaja, ramai yang akan ambil ringan kerana mereka masih belum nampak apa kebaikan dan keperluan sebenar PADU ini.

"Jadi kena letakkan syarat sama seperti MySejahtera dulu, jika tak ada (daftar), tak dibenarkan berurusan di bank atau sebagainya. Mungkin juga letakkan syarat jika tidak daftar, tak dapat pemberian (kelayakan) subsidi petrol misalnya atau mungkin lambat sebab kerajaan berpandukan pada data PADU."

"Boleh juga beri insentif, contohnya diskain RM10 untuk bil elektrik, tambah nilai prabayar atau e-dompet, pasti ramai yang akan segera daftar," katanya kepada *Sinar*



SHAZALI

Harian pada Isnin.

Beliau berkata demikian mengulas laporan muka depan *Sinar Harian* di mana masih ramai rakyat belum mendaftar PADU khususnya penduduk luar bandar kerana kurang memahami fungsi sistem yang dibangunkan kerajaan itu.

Rata-rata rakyat mengakui kurang maklumat tentang PADU yang dihebahkan secara umum dan mudah diterima seperti di televisyen menyebabkan mereka belum jelas mengenai kepentingannya.

Mengulas lanjut, Shazali berkata, perkara itu tidak dapat dinafikan kerana kurangnya hebatan secara terus yang benar-benar mampu meyakinkan rakyat mengenai kepentingan mendaftar PADU.

Justeru katanya, ketua-ketua komuniti termasuk kakitangan kerajaan perlu memainkan peranan membantu usaha kempen kesedaran dan pendaftaran agar tiada rakyat yang tertinggal.

"Ramai warga emas tak tahu cara daftar, di sinilah peranan pejabat penerangan negeri atau daerah. Buka satu tempat seperti di balai raya kampung untuk bantu rakyat.

"Begini juga Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) yang ada di setiap kampung. Guru-guru Kemas juga sepatutnya boleh bantu penduduk," katanya.



Laporan *Sinar Harian* pada Isnin.